



**Bar Malaysia  
Malaysian Bar**

[www.malaysianbar.org.my](http://www.malaysianbar.org.my)

15 Leboh Pasar Besar  
50050 Kuala Lumpur, Malaysia  
Tel : +603-2050 2050  
Fax : +603-2026 1313, 2034 2825, 2072 5818  
Email : council@malaysianbar.org.my

**Circular No 084/2015  
Dated 24 Apr 2015**

To Members of the Malaysian Bar

**Arahan Amalan Hakim Besar Malaya Bilangan 1 Tahun 2015  
Pengendalian Kes-Kes Jenayah Jalanannya Secara “Fast Track”  
di Mahkamah Rendah Malaya**

The Chief Judge of Malaya, YAA Tan Sri Dato’ Seri Zulkefli b Ahmad Makinudin, has extended to us a copy of Arahan Amalan Hakim Besar Malaya Bilangan 1 Tahun 2015, dated 23 Apr 2015, entitled “Pengendalian Kes-Kes Jenayah Jalanannya Secara ‘Fast Track’ di Mahkamah Rendah Malaya”.

Please be informed that Arahan Amalan Hakim Besar Malaya Bilangan 1 Tahun 2015 will take effect from **1 May 2015 (Friday)**.

The relevant portion of Arahan Amalan Hakim Besar Malaya Bilangan 1 Tahun 2015 is reproduced below, and a copy of it, which we received on 23 Apr 2015, is attached for your reference.

Thank you.

**Karen Cheah Yee Lynn  
Secretary  
Malaysian Bar**

Tarikh: 23 April 2015

**ARAHAN AMALAN HAKIM BESAR MALAYA BILANGAN 1 TAHUN 2015  
PENGENDALIAN KES-KES JENAYAH JALANAN SECARA ‘FAST-TRACK’ DI  
MAHKAMAH RENDAH MALAYA**

Setelah berunding dengan Yang Amat Arif Ketua Hakim Negara, saya dengan ini mengarahkan agar keutamaan hendaklah diberikan kepada kes-kes jenayah jalanannya bagi mempercepatkan pendengaran kes-kes tersebut terutama jika melibatkan pelancong warganegara asing.

**A. PENDAFTARAN KES**

- i) Definisi kes-kes jenayah jalanannya merangkumi kes-kes seperti rompak, samun, ragut, langgar dan rompak serta kes-kes penipuan tambang teksi.

- ii) Kes-kes jenayah jalanan hendaklah didaftarkan mengikut pengkelasan kod seperti berikut:

Mahkamah Sesyen: Kod 61J, 61RS, 62J, 62RS

Mahkamah Majistret: Kod 82J, 82RS, 83J, 83RS, 84J

*(Rujuk: Arahan Amalan Bilangan 6 dan 7 Tahun 2013)*

## **B. PERMOHONAN REMAN DI BAWAH SEKSYEN 117 KANUN TATACARA JENAYAH**

- i) Permohonan reman kes-kes melibatkan jenayah jalanan hendaklah didaftarkan di bawah kod 89RE (J) Permohonan jenayah (Reman di bawah seksyen 117 Kanun Tatacara Jenayah (Jenayah Jalanan) dan 89RE (C) bagi Permohonan Jenayah (Reman di bawah seksyen 117 Kanun Tatacara Jenayah)(Kanak-Kanak).
- ii) Mahkamah haruslah mengeluarkan perintah tahanan reman tidak melebihi 3 hari bagi kes-kes yang tersebut di atas. Perintah lanjutan tahanan reman hendaklah tidak dibenarkan kecuali di atas sebab-sebab yang munasabah.

## **C. GARIS MASA PENYELESAIAN KES BERKAITAN JENAYAH JALANAN**

- i) Kes-kes jenayah jalanan hendaklah dilupuskan dalam tempoh masa tidak melebihi **3 hari** (jika tertuduh mengaku salah) dan **2 minggu** (untuk kes bicara) daripada tarikh kes didaftarkan. Garis masa ini terpakai dalam kedua-dua situasi iaitu tertuduh adalah warga Malaysia dan juga pelancong warganegara asing.

## **D. PENANGGUHAN**

- i) Penangguhan hanya akan dibenarkan atas alasan yang munasabah. Garis panduan berkenaan penangguhan di bawah Arahan Amalan Ketua Hakim Negara Bilangan 1 Tahun 2008 adalah terpakai.

## **E. HAK TERTUDUH UNTUK DIWAKILI PEGUAM PILIHAN SENDIRI**

- i) Mahkamah hendaklah memelihara hak tertuduh dalam perkara ini seperti yang telah dijamin di bawah Artikel 5 (3) Perlembagaan Persekutuan. Peguam yang dilantik oleh tertuduh ini mestilah bersedia untuk meneruskan perbicaraan bagi pihak tertuduh pada mana-mana tarikh singkat yang akan ditetapkan oleh Mahkamah.
- ii) Jika peguam yang dipilih tertuduh gagal hadir atau tidak berkemampuan mengendalikan kes tertuduh pada tarikh sebutan/perbicaraan yang telah ditetapkan, tertuduh boleh mendapatkan khidmat peguam yang tersenarai dengan Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK).

## **F. HAK TERTUDUH UNTUK DIBEBASKAN DENGAN JAMINAN**

- i) Mahkamah hendaklah tidak membenarkan jaminan bagi kes-kes jenayah jalanan yang

serius dan melibatkan kecederaan parah kepada mangsa. Manakala bagi kes-kes ragut yang kurang serius dan tidak melibatkan kecederaan atau cedera ringan, jaminan bolehlah dipertimbangkan.

**G. KES MELIBATKAN PELANCONG WARGANEGARA ASING SEBAGAI MANGSA/SAKSI**

- i) Jika kes melibatkan pelancong warganegara asing sebagai mangsa atau saksi, Mahkamah hendaklah atas permohonan Pendakwa. Raya mengambil rakaman keterangan pelancong warganegara asing ini terlebih dahulu pada tarikh sebutan pertama dengan kehadiran tertuduh. Dalam keadaan ini, rakaman keterangan di bawah seksyen 396 KAJ hendaklah dirakamkan sebelum saksi berkenaan dibenarkan pulang ke negara asal.

**H. LAPORAN PERUBATAN**

- i) Jika tertuduh mengaku salah, laporan perubatan rasmi bagi kecederaan mangsa tidak perlu dikemukakan. Adalah memadai jika laporan pemeriksaan bertulis daripada doktor dikemukakan dalam kes-kes di mana kecederaan pada mangsa adalah jelas, bersifat fizikal dan tidak dipertikaikan. Jika terdapat kecederaan dalaman pada mangsa, laporan pemeriksaan bertulis boleh dikemukakan tertakluk kepada keputusan X-ray dan sebagainya.

**I. GAMBAR**

- i) Keterangan gambar bagi menggantikan barang kes boleh digunakan bagi menjimatkan masa semua pihak. Sekiranya pelancong warganegara asing terlibat telah pulang ke negara asal, pengecaman identiti pelancong warganegara asing untuk perbicaraan boleh dibuat dengan menggunakan gambar.

**J. KHIDMAT JURUBAHASA ASING**

- i) Sekiranya kes jenayah jalanan melibatkan pelancong atau warganegara asing, pihak pendakwaan hendaklah berhubung dengan pihak Mahkamah sebelum tarikh sebutan/bicara ditetapkan mengenai keperluan kepada khidmat jurubahasa asing berkenaan.

2. Arahan Amalan ini berkuatkuasa pada 1 Mei 2015 dan terpakai kepada semua kes jenayah jalanan yang didaftarkan bermula dari tarikh ini.



23 April 2015

Semua Yang Arif Hakim Mahkamah Tinggi  
**Mahkamah Tinggi Malaya**

Semua Yang Arif Pesuruhjaya Kehakiman  
**Mahkamah Tinggi Malaya**

Semua Hakim Mahkamah Sesyen  
Mahkamah Sesyen  
**Seluruh Semenanjung**

Semua Majistret Kanan / Majistret  
Mahkamah Majistret  
**Seluruh Semenanjung**

Semua Pendaftar Kanan / Pendaftar  
Mahkamah Rendah  
**Seluruh Semenanjung**

Yang Arif Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**ARAHAN AMALAN HAKIM BESAR MALAYA BILANGAN 1 TAHUN 2015  
PENGENDALIAN KES-KES JENAYAH JALANAN SECARA 'FAST-TRACK' DI  
MAHKAMAH RENDAH MALAYA**

Setelah berunding dengan Yang Amat Arif Ketua Hakim Negara, saya dengan ini mengarahkan agar keutamaan hendaklah diberikan kepada kes-kes jenayah jalanan bagi mempercepatkan pendengaran kes-kes tersebut terutama jika melibatkan pelancong warganegara asing.

**A. PENDAFTARAN KES**

- i) Definisi kes-kes jenayah jalanan merangkumi kes-kes seperti rompak, samun, ragut, langgar dan rompak serta kes-kes penipuan tambang teksi.

- ii) Kes-kes jenayah jalanan hendaklah didaftarkan mengikut pengkelasan kod seperti berikut:

Mahkamah Sesyen: Kod 61J, 61RS, 62J, 62RS

Mahkamah Majistret: Kod 82J, 82RS, 83J, 83RS, 84J

(Rujuk: Arahan Amalan Bilangan 6 dan 7 Tahun 2013)

#### **B. PERMOHONAN REMAN DI BAWAH SEKSYEN 117 KANUN TATACARA JENAYAH**

- i) Permohonan reman kes-kes melibatkan jenayah jalanan hendaklah didaftarkan di bawah kod 89RE (J) Permohonan jenayah (Reman di bawah seksyen 117 Kanun Tatacara Jenayah (Jenayah Jalanan) dan 89RE (C) bagi Permohonan Jenayah (Reman di bawah seksyen 117 Kanun Tatacara Jenayah)(Kanak-Kanak).
- ii) Mahkamah haruslah mengeluarkan perintah tahanan reman tidak melebihi 3 hari bagi kes-kes yang tersebut di atas. Perintah lanjutan tahanan reman hendaklah tidak dibenarkan kecuali di atas sebab-sebab yang munasabah.

#### **C. GARIS MASA PENYELESAIAN KES BERKAITAN JENAYAH JALANAN**

- i) Kes-kes jenayah jalanan hendaklah dilupuskan dalam tempoh masa tidak melebihi **3 hari** (jika tertuduh mengaku salah) dan **2 minggu** (untuk kes bicara) daripada tarikh kes didaftarkan. Garis masa ini terpakai dalam kedua-dua situasi iaitu tertuduh adalah warga Malaysia dan juga pelancong warganegara asing.

#### **D. PENANGGUHAN**

- i) Penangguhan hanya akan dibenarkan atas alasan yang munasabah. Garis panduan berkenaan penangguhan di bawah Arahan Amalan Ketua Hakim Negara Bilangan 1 Tahun 2008 adalah terpakai.

#### **E. HAK TERTUDUH UNTUK DIWAKILI PEGUAM PILIHAN SENDIRI**

- i) Mahkamah hendaklah memelihara hak tertuduh dalam perkara ini seperti yang telah dijamin di bawah Artikel 5 (3) Perlembagaan Persekutuan. Peguam yang dilantik oleh tertuduh ini mestilah bersedia untuk meneruskan perbicaraan bagi pihak tertuduh pada mana-mana tarikh singkat yang akan ditetapkan oleh Mahkamah.

- ii) Jika peguam yang dipilih tertuduh gagal hadir atau tidak berkemampuan mengendalikan kes tertuduh pada tarikh sebutan/perbicaraan yang telah ditetapkan, tertuduh boleh mendapatkan khidmat peguam yang tersenarai dengan Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK).

#### **F. HAK TERTUDUH UNTUK DIBEBASKAN DENGAN JAMINAN**

- i) Mahkamah hendaklah tidak membenarkan jaminan bagi kes-kes jenayah jalanan yang serius dan melibatkan kecederaan parah kepada mangsa. Manakala bagi kes-kes ragut yang kurang serius dan tidak melibatkan kecederaan atau cedera ringan, jaminan bolehlah dipertimbangkan.

#### **G. KES MELIBATKAN PELANCONG WARGANEGARA ASING SEBAGAI MANGSA/SAKSI**

- i) Jika kes melibatkan pelancong warganegara asing sebagai mangsa atau saksi, Mahkamah hendaklah atas permohonan Pendakwa Raya mengambil rakaman keterangan pelancong warganegara asing ini terlebih dahulu pada tarikh sebutan pertama dengan kehadiran tertuduh. Dalam keadaan ini, rakaman keterangan di bawah seksyen 396 KAJ hendaklah dirakamkan sebelum saksi berkenaan dibenarkan pulang ke negara asal.

#### **H. LAPORAN PERUBATAN**

- i) Jika tertuduh mengaku salah, laporan perubatan rasmi bagi kecederaan mangsa tidak perlu dikemukakan. Adalah memadai jika laporan pemeriksaan bertulis daripada doktor dikemukakan dalam kes-kes di mana kecederaan pada mangsa adalah jelas, bersifat fizikal dan tidak dipertikaikan. Jika terdapat kecederaan dalaman pada mangsa, laporan pemeriksaan bertulis boleh dikemukakan tertakluk kepada keputusan X-ray dan sebagainya.

#### **I. GAMBAR**

- i) Keterangan gambar bagi menggantikan barang kes boleh digunakan bagi menjimatkan masa semua pihak. Sekiranya pelancong warganegara asing terlibat telah pulang ke negara asal, pengecaman identiti pelancong warganegara asing untuk perbicaraan boleh dibuat dengan menggunakan gambar.

#### **J. KHIDMAT JURUBAHASA ASING**

- i) Sekiranya kes jenayah jalanan melibatkan pelancong atau warganegara asing, pihak pendakwaan hendaklah berhubung dengan pihak Mahkamah sebelum

tarikh sebutan/bicara ditetapkan mengenai keperluan kepada khidmat jurubahasa asing berkenaan.

2. Arahan amalan ini berkuatkuasa pada 1 Mei 2015 dan terpakai kepada semua kes jenayah jalanan yang didaftarkan bermula dari tarikh ini.



**TAN SRI DATO' SERI ZULKEFLI BIN AHMAD MAKINUDIN**  
Hakim Besar Malaya

s.k

YAA Ketua Hakim Negara  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Istana Kehakiman  
**PUTRAJAYA**

YBhg. Peguam Negara  
Jabatan Peguam Negara Malaysia  
**No. 45, Persiaran Perdana**  
**Presint 4**  
**62100 PUTRAJAYA**

YAA Presiden Mahkamah Rayuan  
Mahkamah Rayuan Malaysia  
Istana Kehakiman  
**PUTRAJAYA**

YAA Hakim Besar Sabah dan Sarawak  
Mahkamah Tinggi Kuching  
**SARAWAK**

Ketua Pendaftar  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Istana Kehakiman  
**PUTRAJAYA**

Timbalan Ketua Pendaftar  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Istana Kehakiman  
**PUTRAJAYA**

Pendaftar  
Mahkamah Rayuan Malaysia  
Istana Kehakiman  
**PUTRAJAYA**

Pendaftar Mahkamah Tinggi Malaya  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Istana Kehakiman  
**PUTRAJAYA**

Pendaftar Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak  
Mahkamah Tinggi Kuching  
**SARAWAK**

Pendaftar Mahkamah Rendah Malaya  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Istana Kehakiman  
**PUTRAJAYA**

Ketua Bahagian Pendakwaan  
Jabatan Peguam Negara Malaysia  
**No. 45, Persiaran Perdana  
Presint 4  
62100 PUTRAJAYA**

Pengarah Mahkamah Negeri  
**SELURUH MALAYSIA**

Ketua Pengarah  
Jabatan Kebajikan Masyarakat  
Aras 6, 9-18  
No. 55, Persiaran Perdana  
Presint 4  
**62100 PUTRAJAYA**

Pustakawan  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Istana Kehakiman  
**PUTRAJAYA**



Pengerusi  
Majlis Peguam Malaysia  
No. 13, 15 & 17  
Leboh Pasar Besar  
**50050 KUALA LUMPUR**

Pengurus  
Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan  
Tingkat 2, Bangunan Sulaiman  
Jalan Sultan Hishamuddin  
**50000 KUALA LUMPUR**